

APA YANG BERLAKU DI SOMALIA?

[SN106] Wahai kaum Muslimin yang dimuliakan! Kami selalu mengingatkan kalian tentang kehinaan dan penderitaan yang tak putus-putus menimpa umat Islam hasil kekejaman kuffar Barat. Kami juga tak henti-henti mengingatkan kalian tentang pengkhianatan yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin umat Islam yang membantu musuh-musuh kalian menghancurkan saudara-saudara kalian. Kami juga tak jemu dan takkan pernah jemu mengingatkan kalian bahawa punca kepada segala penderitaan ini adalah kerana tidak diterapkan hukum-hukum Allah di muka bumi dan tidak adanya seorang Khalifah yang boleh menyelamatkan umat ini dari segala kesengsaraan yang menimpa. Sejak keruntuhan Daulah Khilafah pada 3 Mac 1924, kita telah menyaksikan cukup banyak nasib malang yang menimpa umat Muhammad di seluruh dunia, dari Barat hingga ke Timur, dari Utara hingga ke Selatan. Darah umat Islam tidak pernah kering tumpah di bumi Palestin, darah mereka juga sentiasa membasahi bumi Iraq, Afghanistan, Kashmir, Lubnan, Thailand dan banyak lagi. Semuanya menitis ke bumi hasil kejahatan kuffar Barat dan pengkhianatan penguasa kaum Muslimin itu sendiri, dan yang pasti, darah itu gugur tanpa ada sebarang pembelaan dari seorang pemimpin pun.

Saudaraku yang dimuliakan! Tangisan anak-anak kalian di Lubnan masih belum berhenti, ketakutan ibu-ibu kalian di Selatan Thailand masih tak kunjung padam, bedilan peluru dan dentuman bom siang dan malam menghantui saudara-saudara kalian di Palestin dan Iraq. Tanpa menghiraukan ini semua, baru-baru ini, rejim kufur Amerika Syarikat (AS) melancarkan satu lagi serangan ke atas sebuah lagi negeri kalian. Kali ini negeri yang menjadi sasaran mereka adalah sebuah tanah bersejarah bagi kalian semua, bumi Habsyah (Ethiopia), tempat hijrah yang pertama bagi kaum Muslimin. Amerika dengan ganasnya telah melancarkan serangan udara ke atas sebuah desa di bahagian Selatan Somalia. Sebuah desa yang dihuni oleh mereka yang mengucapkan kalimah yang sama yang diucapkan oleh kalian dan solat sebagaimana solat kalian. Dengan kata lain, mereka itu dibunuh hanya semata-mata kerana agama mereka adalah Islam. Setelah pembantaian selesai dilakukan, pemerintahan boneka sementara dukungan Amerika dan Ethiopia mengumumkan ramai penduduk yang terbunuh dalam serangan itu. Serangan udara itu dilakukan menyusul serangan Ethiopia ke atas sebuah kesatuan Islam, *the Union of Islamic Courts* (Kesatuan Mahkamah Islam), yang kemudiannya menyaksikan AS meletakkan boneka semmentaranya, Abdullah Yusuf di tampuk 'pemerintahan'.

Somalia adalah tanah kaum Muslimin yang memiliki sejarah masa lalu yang hebat dan tersendiri serta memiliki kedudukan yang cukup strategik. Penduduk Somalia masuk Islam sejak awal, bahkan terdapat di kalangan mereka yang masuk Islam seawal masa dakwah Rasulullah saw di Mekah lagi, yakni ketika sekelompok sahabat berhijrah ke sana (Habsyah). Di akhir masa Kekhilafahan Utsmaniah, Somalia menjadi rebutan ketamakan negara-negara kafir penjajah yang bersaing satu sama lain untuk mendominasinya, khususnya bagi merampas sumber alamnya dan mengambil keuntungan dari kedudukannya yang strategik. Sejak inilah Somalia senantiasa diliputi kemiskinan dan kebuluran.

Bermula dari penderitaan inilah, situasi yang memilukan atas kaum Muslimin Somalia terus berlangsung, hinggalah munculnya satu gabungan kaum Muslimin yang dikenali sebagai *the Union of Islamic Courts*, suatu kelompok orang-orang Somalia yang ikhlas yang mula berusaha menyatukan Negara itu sekali lagi dengan landasan Islam, dengan menghindari pandangan kesukuan dan campur tangan penjajah. Keadaan ini sudah tentu 'mengganggu' Amerika dan agen-agenya di Tanduk Afrika itu termasuk

Ethiopia. Ethiopia telah lama membiayai 'pemerintahan' Abdullah Yusuf dengan memberi sokongan material. Ethiopia cukup-cukup takut Somalia akan bersatu, apatah lagi jika ia bersatu di bawah Islam.

Inilah serba sedikit sejarah dan realiti tentang Somalia. Melihat kepada apa yang telah terjadi di Somalia, Hizbut Tahrir sekali lagi menyeru kepada umat Islam di seluruh dunia agar bangkit dan sedar bahawa masalah ini adalah masalah kita umat Islam, yang mana jika sesiapa sahaja yang mengucapkan syahadah, tetapi tidak mempedulikannya, maka Rasulullah saw menyatakan bahawa orang itu bukan dari umat Islam. *Na'uzubillah min zalik*. Sautun Nahdhah kali ini menterjemahkan nasyrah dari Hizbut Tahrir Pusat dan disunting ke dalam Bahasa Melayu.

'Artikel ini mengandungi petikan ayat-ayat suci Al-Quran. Sekiranya anda tidak berkeinginan untuk memiliki nasyrah ini, sila letakkan di tempat yang dapat menjaga kesucian ayat-ayat Allah ini. Janganlah ia dibuang atau dipijak-pijak. Sesungguhnya kesucian ayat-ayat Allah wajib dipelihara'

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

SOMALIA...SOMALIA Jadikannya Kemenangan, Wahai Kaum Muslimin!

Negara Ethiopia (Habsyah) telah menghantar askar serta tentera udara mereka bagi melakukan suatu jenayah kejam ke atas umat Islam di Somalia. Serangan ini telah diumumkan oleh mereka hanya baru-baru, walaupun mereka sebenarnya telah melakukan serangan-serangan yang serupa sebelum ini, tanpa satu pengumuman pun dibuat mengenainya. Anehnya, alasan yang digunakan bagi melakukan serangan kejam ini adalah demi mempertahankan negara! Kononnya, ini adalah untuk melindungi Ethiopia ... dari siapa? Somalia!

Peperangan yang berlaku di Somalia itu telah menjadi semakin buruk. Ia merupakan peperangan di antara tentera Ethiopia yang dilengkapi senjata berat, dengan sokongan Amerika Syarikat secara politik dan ketenteraan, serta disokong oleh agen-agen tempatan AS di Afrika, di satu pihak, dengan umat Islam Somalia di bawah kepimpinan pergerakan *the Union of Islamic Courts* yang baru setahun jagung, di pihak yang lagi satu. Dalam waktu yang sama, pemimpin-pemimpin umat Islam di seluruh dunia diam seribu bahasa serta hanya menjadi saksi yang bisu dan pekak. Seolah-olah peperangan ini berlaku di suatu tempat yang sangat jauh, dan bukannya di jantung dunia Islam yang berlatar belakangkan sejarah yang gemilang dan kedudukan yang strategik. Walhal di sinilah (Habsyah) sekelompok sahabat Rasulullah saw berhijrah pada peringkat awal dakwah Islam di Mekah. Tanah ini telah dibuka pada tahun 77 H semasa pemerintahan Khalifah Abdul Malik, dan telah menjadi sebahagian dari tanah Islam sebagaimana yang lainnya, khususnya bersama Yaman yang terletak di seberang Selat Aden. Kawasan ini kemudiannya telah menjadi sasaran penjajah kafir pada akhir zaman Khilafah Utsmaniah, sama seperti tanah-tanah Islam di kawasan lain semasa itu.

Wahai kaum Muslimin! Amerika Syarikat serta kunci-kunci mereka di benua Afrika yang diketuai oleh Ethiopia sebenarnya telah terkejut apabila menyaksikan umat Islam di Somalia bergerak dan bersatu di bawah *Union of Islamic Courts* dan mereka khuatir bahawa kekuatan/pergerakan ini akan menyatukan Somalia di bawah nama Islam. Jika ini berlaku, sudah tentu akan menggugat rancangan (buruk) mereka di kawasan tersebut.

Ethiopia menguasai dua kawasan Somalia, Oghadin dan Houd yang mereka duduki. Mereka takut jika wujud sebuah rejim yang kuat dan stabil di Somalia, terutamanya

kuasa yang berupaya untuk menyatukan penduduk di bawah panji Islam, yang dapat menghidupkan semula isu berkenaan dua kawasan tersebut, dan mungkin dapat menyatukan semula secara politik dan ketenteraan, dengan tanah air Somalia.

Bagi Amerika, ia masih lagi mengimpikan zaman di mana ia dapat mencengkam erat Somalia yang telah membolehkannya mendapat apa sahaja yang diinginkannya. Ini berlaku di zaman pemerintahan Siad Berri dan berterusan sehingga ke masa pemberontakan puak-puak Somalia pada tahun 1991. Peristiwa ini telah menyelesaikan pertelingkahan British-Amerika di Somalia yang mana kemenangan telah berpihak kepada Britain dan mengakibatkan kejatuhan Siad Berri. Akibatnya Amerika telah kehilangan pengaruhnya di Somalia dan rejimnya terus merosot.

Britain kemudian bertindak pantas untuk kembali mendapatkan statusnya yang dulu (British Somalia) lalu mengisytiharkan pembentukan sebuah pemisahan Negara Demokratik Somalia pada tahun yang sama (iaitu pada tahun 1991). Ini telah menjadikan kawasan dan rakyatnya dalam keadaan terbiar dan kucar-kacir. Amerika Syarikat kemudian cuba untuk membina semula pengaruhnya pada tahun 1992 melalui jalan wakil-wakil pertubuhan kemanusiaan (*humanitarian delegations*) di bawah naungan projek '*Hope Again*' di mana mereka telah menyediakan 28,000 askar, tetapi ianya gagal pada tahun 1995. Kegagalan ini sebenarnya telah memalukan Amerika Syarikat.

Namun, AS tidak berputus asa dalam keghairahannya untuk mendapat hegemoni dan pengaruh di benua Afrika. AS telah berusaha untuk menggagalkan Persetujuan Djibouti pada tahun 2000 dengan menubuhkan rejim Abdel Qassim Sallad. Ini kerana persetujuan ini telah ditaja oleh Eropah yang telah menyokong Djibouti, bekas Somalia Perancis. Ia turut berusaha menentang Negara Demokratik Somalia (sebelum ini Somalia British). Apabila Amerika berjaya memecah belahkan Somalia, ia telah merancang untuk menyusun semula agen-agennya di kawasan tersebut dan berjaya membentuk Penyatuan Nairobi lewat tahun 2004 dengan mewujudkan rejim sementara, dibawah agennya Abdullah Yusuf. Abdullah Yusuf merupakan Presiden sebuah negara kecil, Pontland yang telah diisytiharkan di Somalia pada tahun 1997. Kemudian Amerika mula menonjolkan rejim tersebut sebagai rejim kerajaan Somalia yang resmi dan telah memohon keahlian ke pakatan-pakatan serantau seperti *Organisation of African Unity* (OAU) dan Liga Arab. Di peringkat antarabangsa, permohonan keahlian telah diajukan kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Pada masa yang sama, Amerika meneruskan sokongannya kepada pemimpin-pemimpin militia di Mogadishu, dalam usahanya untuk menjaga kepentingan mereka secara serentak: memberi sokongan politik kepada rejim sementara dan memberi sokongan ketenteraan kepada militia-militia tersebut.

Kejahatan rejim boneka sementara Somalia ini ternampak jelas dari usahanya untuk memupuk hubungan baik dengan AS serta Ethiopia; sementara pergaduhan berterusan antara ketua-ketua pasukan yang berperang mengakibatkan kemusnahan alat-alatan dan juga manusia; ini telah membuatkan rakyat tercari-cari penyelamat bagi keadaan tenat mereka. Maka apabila pihak militia yang disokong oleh AS mula memusnahkan kehidupan mereka, mereka telah bersatu dengan *Union of Islamic Courts* dan telah memperoleh kemenangan. Mereka tertarik dengan *Union of Islamic Courts* sebab mereka tahu yang pergerakan ini telah menyelesaikan masalah-masalah mereka secara ikhlas semenjak tahun 1994 lagi, yakni di masa ketiadaan kepimpinan yang terkenal di kalangan mereka. Rakyat telah menyaksikan keikhlasan serta kesungguhan pergerakan ini kepada Islam. Hasilnya terbentuk suatu ikatan di antara rakyat serta pihak *Union of Islamic Courts* dan Allah swt telah memberikan kemenangan kepada mereka terhadap pasukan-pasukan yang berperang yang kelam-kabut dan terpecah-belah. Dalam hal ini, Amerika langsung tidak melakukan apa-apa untuk menyelamatkan ketua-ketua pasukan yang berperang tersebut. Justeru rakyat telah datang dan bersatu dengan pihak *Union of Islamic Courts* sama ada di bandar mahupun di kampung-kampung, sebelum pihak *Union of Islamic Courts* mendatangi mereka!

Amerika kemudiannya mula menggunakan senjata-senjatanya iaitu melalui perundingan-perundingan muslihat dan juga keganasan bersenjata, bagi menegakkan pengaruhnya di Somalia. Bagi kaedah perundingan (yang sebenarnya adalah muslihat), AS menyerahkannya kepada Sudan. Lalu Sudan cuba untuk menyatukan *Union of Islamic Courts* tersebut dengan rejim sementara di Khartoum bagi tujuan perundingan dan mencari jalan tengah (kompromi), dengan niat untuk memberi nafas baru kepada rejim sementara yang hampir 'mati' dan tidak berupaya untuk melindungi pangkalan mereka sendiri (Bedawa) dan telah ditinggalkan oleh rakyat mereka. Niat sebenar di sebalik perundingan tersebut adalah untuk menjadikan *Union of Islamic Courts* sebagai hanya salah sebuah kuasa tempatan, seperti Somaliland, Pontiland dan Jubaland, di mana dengan ini, rejim boneka sementara dapatlah menguasai mereka!

Dan bagi senjata mereka yang kedua, yakni dengan cara keganasan bersenjata, Amerika Syarikat telah menyerahkan tugas tersebut kepada Ethiopia untuk campurtangan secara ketenteraan. Ini dilakukan secara langsung bagi menunjukkan sokongan kepada rejim boneka sementara dan dalam masa yang sama menunjukkan pertentangan yang nyata dengan pihak *Union of Islamic Courts*. Cara (keganasan bersenjata) ini sebenarnya telah lama bermula, cuma sekarang, ia telah diisytiharkan secara rasmi.

Wahai kaum Muslimin! Sedarlah oleh kalian bahawa sesungguhnya peperangan di Somalia itu tidak lain merupakan pertumpahan darah di antara umat Islam di

Somalia dan negara kafir Ethiopia yang disokong AS. AS sebenarnya telah merancang dan mendukung peperangan ini kerana 3 sebab:

Pertama: Umat Islam di Somalia adalah muslim yang cintakan agama mereka dan ingin bersatu di bawah panji Islam di bawah kepimpinan *Union of Islamic Courts*; sedangkan AS akan menentang dan memerangi mana-mana kuasa atau pergerakan yang condong kepada Islam di mana-mana sahaja di dunia ini. Amerika Syarikat membenci Islam dan umatnya terutamanya jika mereka berpegang teguh dengan (jenis) Islam yang tidak disokong oleh AS, iaitu *brand* yang mereka gelar sebagai 'Islam Sederhana' (Islam moderat). Inilah *brand* Islam yang disokong sepenuhnya oleh AS; seolah-olah Islam itu ada yang sederhana (moderat) dan tidak sederhana (non-moderat). Semoga laknat Allah menimpa mereka dan pengikut-pengikut mereka, betapa jauhnya mereka dari kebenaran.

Kedua: Somalia terletak di tempat yang sangat strategik di pertengahan Lautan India dan mempunyai kawasan pantai yang terpanjang di Afrika, lebih-kurang 2,720km (1,700 batu). Somalia mempunyai dua buah rangkaian pantai – satu menghadap Lautan India di Timur, dan satu lagi di pinggir utara sepanjang Teluk Aden menghadap Bab el Mandeb dan Laut Merah. Maka kedudukan Somalia sangatlah penting lagi strategik dan boleh dianggap sebagai pintu gerbang ke Afrika Selatan dan juga Semenanjung Arab dan (lalu ini) boleh digunakan untuk mengawal (menguasai) mereka.

Ketiga: Somalia sangat kaya dengan sumber semula jadi. Kajian-kajian yang dilakukan di Somalia menunjukkan kewujudan uranium, gas, minyak dan sebagainya. Pada lewat tahun 80-an, pada zaman Siad Berri, konsesi terhadap dua pertiga dari kekayaan semula jadi Somalia telah diserahkan kepada syarikat-syarikat minyak dari Amerika seperti Conoco, Amoco, Chevron dan Phillips bagi mencari gali minyak. Minyak telah ditemui di dalam sembilan telaga pertama dan perkara ini telah disahkan oleh pakar geologi Bank Dunia. Malangnya revolusi yang menjatuhkan Siad Berri juga telah mengakibatkan terhentainya usaha-usaha penggalan di telaga-telaga tersebut. Oleh itu, Amerika Syarikat terpaksa bersabar menunggu untuk mendapatkan semula kekayaan tersebut.

Wahai Kaum Muslimin! Sedarlah oleh kalian bahawa Amerika Syarikat menganggap dirinya sebagai suara muktamad di dunia dan menganggap dirinya sebagai satu-satunya tuannya segala kekayaan sama ada di dalam tanah ataupun di atasnya. AS telah dikaburi oleh keangkuhan kekuatannya, sehingga tidak dapat mengkaji sebab-sebab kegagalannya yang berkali-kali dari Vietnam hinggalah ke Afghanistan, kemudian Iraq dan Somalia pada 1995. Amerika masih lagi mencari-cari tempat untuk menebus kekalahan serta kehinaan yang menyimpannya. AS yakin yang agennya, Ethiopia akan dapat memulihkan sebahagian besar dari kekalahan dan kehinaan tersebut,

terutamanya kerana *Union of Islamic Courts* itu masih lagi merupakan kuasa baru dan memang tidak mampu untuk menghadapi pihak tentera yang bersenjata berat serta pasukan tentera udara Ethiopia, sama ada dari segi bilangan tentera ataupun kelengkapan.

Walaupun jurang perbezaannya sangat besar, namun umat Islam serta pergerakan *Union of Islamic Courts* telah menunjukkan keberanian yang sungguh luar biasa dalam menghadapi musuh penjenayah dan kuasa pengganas ini. Sesungguhnya inilah sifat pejuang-pejuang Islam yang menentang angkatan kufur dan munafikin. Tetapi malangnya, kegagalan umat Islam lain dari membantu dan menolong saudara-saudara seIslam mereka, inilah yang telah memberanikan kuffar dan penganutnya bagi menyerang tanah umat Islam satu per satu. Kegagalan kita untuk menyelamatkan saudara-saudara kita yang lain ini tidak akan mendatangkan keredhaan Allah swt, atau keredhaan RasulNya saw atau para Mukminin. Kita sebagai satu umat adalah satu kaum, satu badan yang telah digambarkan oleh Rasulullah saw sebagai:

“Sebagai satu badan, di mana tatkala salah sebahagiannya mengalami kesakitan, maka keseluruhannya turut merasa kesakitan dan serta kegelisahan”

Wahai kaum Muslimin! Tidak diragukan lagi bahawa Amerika dan Ethiopia adalah pihak-pihak musuh yang sedang berperang dengan umat Islam. Oleh itu, wajib ke atas kalian untuk berurusan dengan mereka di atas asas ini. Hubungan yang wujud adalah hubungan perang (jihad) sahaja dan tiada hubungan lain. Kalian sepatutnya memutuskan semua hubungan diplomatik dengan negara-negara tersebut, tiada lagi kedutaan, tiada lagi perjanjian dan apa-apa hubungan persahabatan dengan mereka. Jika tidak, kalian akan menerima nasib yang sama sebagaimana nasib orang-orang yang telah melanggar perintah Tuhan mereka – kehinaan dan kekejian hidup di dunia dan azab yang amat berat di akhirat kelak.

Wahai kaum Muslimin! Hizbut Tahrir menyeru kalian menghidupkan semula kegigihan serta semangat kalian agar bersama-sama menyelamatkan Somalia, yang menjadi kewajiban dari Allah swt, maka tunaikanlah kewajiban tersebut:

وَإِنْ أَسْتَضَرُّوكُمْ فِي الدِّينِ فَعَلَيْكُمْ أَنْ تَضُرَّوْهُ

“Jika mereka meminta pertolongan kepada kamu dalam perkara (menentang musuh untuk membela) agama, maka wajiblah kamu menolongnya.” [TMQ Al-Anfal (8):72]

Maka wahai kaum Muslimin! Berilah pertolongan kepada mereka. Adalah wajib ke atas setiap tanah Islam yang

bersempadan dengan Somalia, dan negara yang berjiran seperti Mesir, Sudan, Djibouti, Eritrea, Yaman, Arab Saudi dan lain-lain menolong Somalia secara material serta mengerahkan angkatan bersenjata mereka dengan keseluruhan kekuatan dan perlengkapan mereka untuk ke sana:

إِلَّا تَضُرُّوهُ بَعْدَ تَحْرِيكِ عَدَايَا أَيْمَانًا وَتُسْتَبَدَّلَ قَوْمًا غَيْرَكُمْ وَلَا تَضُرُّوهُ شَيْئًا

“Jika kamu tidak pergi beramai-ramai (untuk berperang pada jalan Allah - membela agamanya), Allah akan menyeksa kamu dengan azab seksa yang tidak terperi sakitnya dan Dia akan menggantikan kamu dengan kaum yang lain, dan kamu tidak akan dapat mendatangkan bahaya sedikit pun kepadaNya.” [TMQ At-Taubah (9):39]

Umat Islam yang hidup minoriti di negara-negara kufur seperti Ethiopia mesti bersatu, dari segi material dan moral agar dapat memberi tekanan yang efektif sekaligus mencegah negara-negara tersebut dari melakukan pembunuhan beramai-ramai di Somalia. Keseluruhan umat Islam yang ada di Ethiopia, Kenya, Rwanda, Uganda dan Tanzania adalah dalam kedudukan yang baik bagi menjalankan tugas-tugas memberi sokongan kepada Somalia dengan memberi tekanan kepada negara-negara tersebut. Pada masa yang sama, adalah menjadi kewajipan bagi negara-negara umat Islam untuk memutuskan semua hubungan dengan Amerika Syarikat dan Ethiopia; sama ada hubungan diplomatik, perjanjian/pakatan minyak, perjanjian dagang ataupun segala bentuk *treaties* (persetujuan-persetujuan) lainnya. Negara-negara umat Islam wajib berurusan dengan mereka sebagaimana kita berurusan dengan negara-negara yang sedang bermusuhan dan berperang dengan kita.

Wahai kaum Muslimin! Di dalam seruan dan mesej yang Hizbut Tahrir sampaikan ini, kami sudah tidak percayakan pemimpin-pemimpin negara-negara umat Islam, sebab mereka bersama dengan golongan yang tidak sayangkan umat Islam, tetapi (kali ini) kami menyeru untuk membangkitkan semula umat Islam dan semangat juang mereka. Tentera-tentera di negeri-negeri kaum Muslimin adalah anak-anak umat ini, bilamana mereka terancam, putera-putera ini bangkit menyahut dan bangun membantu saudara-saudara mereka dan menghadapi sesiapa sahaja yang menghalangi jalannya.

وَيُضْرَبُ اللَّهُ مَن بَصُرَهُ ۖ إِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ

“Sesungguhnya Allah akan menolong sesiapa sahaja yang menolong agamaNya (Agama Islam); Sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Perkasa.” [TMQ Al-Haj (22):40]

...Hizbut Tahrir...